

Representasi Hubungan Etnik dalam Novel Remaja dari Perspektif Etika Sosiobudaya

Maznida Mahadi¹, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali^{1*} dan Mardian Shah Omar²

¹Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Novel remaja sering memerihalkan keunikan hubungan etnik, kepentingan, dan isu sejagat yang dihadapi oleh masyarakat multikultur di seluruh dunia. Pemerihalan ini memerlukan penerokaan khusus untuk meneliti sejauh mana novel remaja merepresentasikan hubungan etnik. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis hubungan etnik dalam novel-novel remaja dari perspektif etika sosiobudaya berlandaskan Teori Etika dalam Sastera. Kajian ini dilakukan secara kualitatif deskriptif. Analisis dan kajian ditumpukan kepada identiti dan latar sosiobudaya, hubungan antara kaum dan fenomena sosiobudaya yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih, iaitu novel *Ayah, Nyanyian Musim Rusuh* dan *Nanyang*. Hasil kajian menunjukkan bahawa novel-novel remaja terpilih memainkan peranan penting dalam memperkenalkan hubungan etnik kepada pembaca remaja. Kajian juga membuktikan pemahaman tentang budaya masyarakat dalam novel remaja tidak hanya menyumbang kepada pembangunan literasi remaja, tetapi juga memperluaskan horizon kebudayaan remaja dan membantu memupuk pemikiran kritis dan menyemai semangat muhibah. Kajian ini merumuskan bahawa novel remaja merupakan medium yang berpotensi menyalurkan pesanan etika tentang kepentingan memelihara hubungan etnik. Dicadangkan kajian lanjutan dilakukan ke atas bahan bacaan lain supaya cakupannya lebih komprehensif.

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 23 October 2023

Accepted: 08 March 2024

Published: 28 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S2.02>

E-mail addresses:

maznida.mmm@gmail.com (Maznida Mahadi)

inmarlin@um.edu.my (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali)

mardianso@um.edu.my (Mardian Shah Omar)

*Corresponding author

Kata kunci: Etika, etnik, novel remaja, multikultural, sosiobudaya

Representation of Ethnic Relations in the Selected Teen Novels from the Ethic Sociocultural Perspectives

ABSTRACT

Teen novels often describe the uniqueness of ethnic relations, interests, and universal issues multicultural societies face. This description requires a specific exploration to examine the extent to which teen novels represent ethnic relations. Therefore, this study analyzed ethnic relations in teen novels from the perspective of sociocultural ethics based on the Theory of Ethics in Literature. The methodology of this research is descriptive qualitative text. The analysis and study focused on sociocultural identity and background, interracial relations, and sociocultural phenomena found in selected teen novels: Ayah, Nyanyian Musim Rusuh and Nanyang. The findings found that all three selected teen novels contain a means of consolidating ethnic relations and are capable of being a sociocultural expression vehicle that symbolizes the multicultural society in Malaysia. In conclusion, the selected teen novels have been shown to provide enlightenment and understanding of ethnic relations. These selected teen novels are further proposed as multicultural educational materials that can shed light and understanding on ethnic relations. The study found that certain novels for teenagers played a significant role in introducing them to the concept of ethnic relationships. This understanding can help them appreciate and comprehend the relationships between various ethnic groups in Malaysia. Additionally, research indicates that teen novels that provide insights into community cultures can enhance literacy among youth, broaden their cultural horizons, encourage critical thinking, and promote goodwill among them. The study concludes that teen novels are a powerful medium to convey ethical messages that stress the importance of preserving ethnic relations. The researchers suggest that future research explore other reading materials to better understand the topic.

Keywords: *Ethical, ethnic, multicultural, sociocultural, teen novel*

PENGENALAN

Hubungan etnik dari perspektif global, merupakan interaksi yang bersifat dinamik dalam mencerminkan sosiobudaya dan kumpulan etnik bagi sesebuah negara. Interaksi hubungan etnik berlaku apabila seseorang individu berhubung dengan individu lain yang memiliki kualiti, ciri, bangsa, warna, etnik, linguistik dan

kepelbagaiannya muncul sebagai sumber kemakmuran dan kedamaian (Jacobs et al., 2020; Jorgensen et al., 2023). Dalam novel remaja gambaran interaksi antara pelbagai kumpulan etnik yang berbeza, seperti kehadiran etnik Afrika di Amerika, etnik Nepal di Nepal, etnik Melayu, Cina, India, serta kaum minoriti di Malaysia dengan tujuan untuk memahami, mewartakan,

mempelajari dan mengeratkan perhubungan antara etnik dan kaum (Kandel, 2022; Khandal et al., 2019; Ramos Cambero & Saneleuterio, 2021). Kewujudan etnik yang pelbagai di serata dunia bermula daripada penghijrahan kaum imigran ke negara-negara lain atas pelbagai sebab seperti ekonomi, politik, sosial, mendapatkan perlindungan, membebaskan atau melarikan diri daripada perperangan dan konflik yang melanda negara mereka (Ferreira, 2022; Nasta, 2019; Sarkar & Karmakar, 2021). Representasi hubungan etnik dalam novel-novel remaja menerangkan tentang sosiobudaya masyarakat yang merangkumi aktiviti komuniti, tabiat, pekerjaan, aktiviti sosial, politik, ekonomi, keramahan, keharmonian hidup bersama, dan semangat kerjasama (Kurniati & Shifa, 2023; Thomas, 2020).

Kepentingan sosiobudaya seiring dengan dinamika arus teknologi dalam membentuk peradaban manusia yang lebih baik, iaitu melalui penyisipan nilai moral dalam karya sastera sebagai langkah untuk menyediakan generasi yang berpersonaliti unggul (Puspitarini et al., 2023; Mohamad Rohana et al., 2017). Melalui penulisan yang beraneka ragam ini, pengarang novel remaja berusaha menggambarkan kepelbaaan sosial, budaya, dan agama yang ada dalam masyarakat. Komponen naratif yang meliputi tema, latar masa, latar tempat, plot, konflik, watak dan perwatakan serta isu-isu yang berlaku dalam masyarakat berupaya mentafsir segala kerencaman yang berlaku dalam masyarakat multikultur (Dawam et al., 2022). Oleh itu,

objektif artikel ini dihasilkan adalah untuk merumuskan representasi hubungan etnik dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019), *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016) dan *Nanyang* (Izsahaniid, 2015) dari perspektif etika sosiobudaya. Pengkajian ini penting untuk mengesahkan kandungan novel remaja terpilih sebagai bahan bacaan yang baik dalam menggambarkan hubungan etnik di Malaysia. Pengkajian ini juga perlu dilakukan bagi menjawab persoalan dan polemik kepelbaaan budaya yang sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak di media elektronik, tulisan akhbar, hantaran *Facebook*, ciapan *Twitter*, penyiaran status *Instagram* dan media sosial yang lain.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur mendapati kajian terkini berkaitan hubungan etnik dalam karya sastera banyak dilakukan di luar negara dan sehingga kajian ini dilakukan, hanya satu makalah sahaja yang mengkaji hubungan etnik dan kepelbaaan budaya dalam sastera di jurnal-jurnal tempatan dalam julat lima tahun kebelakang, iaitu kajian yang dilakukan oleh Amat (2000) pada tahun 2000 dan dua makalah dalam julat sepuluh tahun kebelakang, iaitu kajian yang dilakukan oleh Baharum et al. (2018) dan Saludin (2015). Kekurangan kajian mengenai hubungan etnik dan kepelbaaan budaya dalam novel menunjukkan kelomongan yang perlu diisi oleh pengkaji-pengkaji sastera mutakhir.

Kajian terkini mengenai kepelbaaan budaya dan hubungan etnik dalam karya sastera di peringkat antarabangsa ialah kajian yang dilakukan oleh Amiri dan Govah

(2023). Dalam makalah berjudul *Hedayat's Rebellious Child: Multicultural Rewriting of The Blind Owl in Porochista Khakpour's Sons and Other Flammable Objects*. Dalam makalah tersebut, novel *Porochista Khakpour's Sons and Other Flammable Objects* dikaji dari segi sumbangannya kepada persoalan nasionalisme dan identiti nasional dalam karya terkenal *Sadegh Hedayat The Blind Owl*. Hasil kajian mendapati, pengarang telah memodelkan novel sulungnya itu sebagai mahakarya atau *magnum opus* sebagai cara berkesan untuk memerihalkan kepelbagaian budaya dan etnik. Kajian tersebut memperlihatkan novel tersebut mempersempahkan naratif kepelbagaian budaya dan etnik sebagai tindak balas kepada nasionalisme etnosentrik dalam karya terkenal *Sadegh Hedayat The Blind Owl*.

Seterusnya Kumpulainen et al. (2020) mengkaji latar sosiobudaya dan mengaitkannya dengan pemahaman literasi sebagai amalan budaya, perlambangan budaya yang berbeza dalam komunikasi, memberi makna serta mengakui peraturan yang ditetapkan dalam sesebuah kebudayaan. Kebudayaan merupakan terjemahan literasi teks yang memaparkan transisi dua bahasa atau lebih. Kebudayaan juga merupakan linguistik tambahan dan gabungan kompleksiti budaya (Pourgharib & Asl, 2022). Kompleksiti budaya menerangkan bahawa komuniti multikultural terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang mengamalkan pelbagai budaya, agama, sistem kepercayaan, sejarah, nilai dan bahasa (Khoo et al., 2022). Pemerihalan

sosiobudaya multikultural melalui jalinan hubungan pelbagai etnik dalam literasi teks seperti novel-novel remaja menyerlahkan peranan dan fungsi novel sebagai bahan pembelajaran multikultural yang baik (Chew, 2020; Ramasamy et al., 2018; Tsai et al., 2022).

Pemahaman tentang kehidupan multikultural dan hubungan etnik sangat diperlukan oleh masyarakat bagi menghayati dan mendepani cabaran revolusi industri yang menyajikan keragaman etnik, budaya dan agama (Haswani et al., 2023; Jayadi et al., 2022; Sakura et al., 2023). Pendidikan multikultural dalam konteks masyarakat hari ini, menekankan tentang penghormatan kepada agama, moral, etika dan nilai-nilai budaya timur (Gunawan & Jaya, 2023; Omar et al., 2015). Justeru mempelajari dan menghayati sosiobudaya multikultural perlu disemai sejak dari kecil dan dalam kalangan remaja (Yee Wan & Tjin Ai, 2023; Abdullah et al., 2018).

Perihal hubungan etnik yang disampaikan secara langsung atau tidak langsung dalam novel-novel remaja merupakan nilai tambah kepada pendidikan formal untuk diaplikasikan dalam kehidupan sebenar (Mori et al., 2023). Menghayati hal-hal yang berkaitan hubungan etnik atau masyarakat dalam novel-novel remaja juga membentuk karektor positif di samping memupuk semangat patriotik kepada negara (Guseva, 2023; Hapitta & Titaley, 2022). Dalam masa yang sama mendidik pembaca remaja membuat pertimbangan etika tentang perkara baik ataupun buruk yang dipamerkan oleh watak-watak yang terdapat dalam novel.

Kajian ke atas novel-novel dengan penerapan teori etika banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dari China dan Indonesia untuk meneliti nilai etika dari aspek kebudayaan, keagamaan, ekologi, kehidupan abadi, alam semesta dan hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam, hubungan manusia dengan tuhan (Latifah et al., 2023; Lei, 2019; Zhenzhao & Biwu, 2015).

Kesemua kajian lepas memperlihatkan kepentingan hubungan etnik dan kepelbagai budaya disisipkan dalam karya sastera. Penelitian juga mendapati tidak ada kajian lepas yang meneliti hubungan etnik dalam novel-novel remaja. Sekali gus memperlihatkan kelopongan dan kepentingan kajian ini diteruskan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif. Dalam konteks kajian ini, novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019), *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016) dan *Nanyang* (Iszahanid, 2015) dipilih sebagai bahan kajian. Pemilihan ketiga-tiga novel remaja ini berdasarkan pemikiran atau wacana yang dibawa dalam menerangkan gagasan berkenaan hubungan etnik. Wacana merupakan konsep idea atau pemikiran yang dibahaskan dengan sistematik dan diteliti dari aspek pengemukaan, perbincangan, pentafsiran dan perbahasan idea (Azhan et al., 2021).


Dalam kajian ini, Teori Etika dalam Sastera yang diperkenalkan oleh Sugiarti dan Andalas (2018) digunakan untuk mengkaji novel-novel remaja terpilih

berdasarkan fungsi teori yang menekankan karya sastera sebagai sebahagian daripada pernyataan sosial, alam semesta sebagai objek penciptaan dan karya sastera sebagai bahan pembelajaran moral. Teori Etika dalam Sastera menggariskan tiga perspektif etika yang utama: (1) Etika Seni dalam Sastera, (2) Etika Agama dalam Sastera dan (3) Etika Sosiobudaya dalam Sastera. Perspektif Etika Sosiobudaya, dipilih sebagai landasan kajian.

PERSPEKTIF ETIKA SOSIOBUDAYA

Perspektif etika sosiobudaya meneliti konstruksi tiruan realiti masyarakat yang terdapat dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019), *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016) dan *Nanyang* (Iszahanid, 2015). Sugiarti dan Andalas mempertimbangkan pemikiran tentang wujudnya pengaruh timbal balik antara sastera sebagai perakam dengan pemapar unsur-unsur sosiobudaya. Rajah 1 menerangkan prinsip-prinsip asas perspektif etika sosiobudaya (Sugiarti & Andalas, 2018):

Pemfokusan kepada perspektif etika sosiobudaya ini berdasarkan penekanan teori tentang perihal sosiobudaya yang terdapat dalam karya sastera. Perkara ini selari dengan kenyataan Sugiarti dan Andalas (2018, pp.105–107), karya sastera merupakan sebuah laboratorium kehidupan masyarakat. Karya sastera juga merupakan dokumen sosiobudaya yang menerangkan sosial masyarakat mengikut latar zaman (Sugiarti & Andalas, 2018, pp.16–18). Hal ini juga memperlihatkan masyarakat dengan



Rajah 1. Perspektif etika sosiobudaya (Sugiarti & Andalas, 2018)

sastera merupakan entiti yang tidak terpisah dan saling berkaitan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Identiti dan Latar Sosiobudaya dalam Novel-novel Remaja Terpilih

Novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019) mengemukakan identiti dan latar sosiobudaya masyarakat tradisional yang tinggal di Pendalamen Sabah yang bermula pada tahun 1990-an. Mereka dikenali sebagai etnik Sungai Buludupi dan tinggal di kawasan yang berhampiran dengan Sungai Kinabatangan di Sabah:

Kaum Sungai Buludupi yang hidup rukun, menghuni kawasan hampir Sungai Kinabatangan, Sungai terpanjang di Negeri Bawah Bayu itu. (Pengiran Ismail, 2019, p. 20)

Masyarakat Sungai Buludupi digambarkan hidup secara rukun berdasarkan gaya hidup yang tersendiri. Mereka mengusahakan perindustrian sarang burung layang-layang. Ayah kepada watak utama novel ini, merupakan ketua penuai burung layang-layang yang handal yang bertanggungjawab mengepalai dua puluh orang pemuda. Ketua bertanggungjawab memastikan segala persediaan dari awal hingga ke akhir pelaksanaan dilakukan dengan teliti. Setiap keputusan yang dibuat oleh ketua memberi impak kepada perusahaan, pekerja dan komuniti dan masyarakat (Alekperova & Alekperov, 2023).

Ketua bertanggungjawab memastikan setiap peralatan asas seperti gegolog bagi memastikan selamat dan tahan untuk kegunaan para penuai. Gegolog digunakan sebagai tangga untuk mengutip sarang

burung layang-layang yang diperbuat daripada enam lapis rotan saga dengan anak tangga daripada kayu Ibpai. Kayu ini diikat pada rotan dengan menggunakan rotan semut tanpa menggunakan paku. Gegolog menjadi penghubung penuai dengan sarang burung. Selain mengutip sarang burung layang-layang, masyarakat dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019, pp. 15–17) juga berburu dan menangkap ikan sungai.

Dari perspektif etika sosiobudaya, etnik Sungai Buludupi mewarisi gaya hidup dan kebudayaan yang ditinggalkan secara warisan turun-temurun daripada nenek moyang mereka. Anak-anak remaja seperti Raina telah dididik untuk beradaptasi dengan cara hidup etniknya. Sejak dari kecil, mereka telah diajar memburu di hutan, berenang dan menyelam untuk memanah ikan. Anak remaja juga telah diajar untuk memasang bubu, memerangkap ikan dan udang. Mereka juga perlu tahu kaedah mengecilkan laluan anak sungai untuk memasang bubu. Beberapa batang kayu ataupun buluh dipacak di kiri dan kanan sungai dan di tengah laluan anak sungai untuk diletakkan bubu. Ikan-ikan akan masuk dan menjadi hasil tangkapan. Kegiatan berburu, menangkap ikan dan mengutip sarang burung layang-layang ini merupakan cara hidup masyarakat etnik Sungai Buludupi dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019).

Gaya hidup masyarakat etnik Sungai Buludupi yang digambarkan dengan jelas dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019) memberi gambaran realiti tentang kepelbagaiannya masyarakat yang terdiri

daripada pelbagai identiti dan latar sosiobudaya. Setiap gambaran kehidupan masyarakat etnik Sungai Buludupi dinaratifkan dengan terperinci berupaya mendekatkan pembaca dengan kehidupan masyarakat di Sabah secara khusus. Pencerahan tentang sosiobudaya masyarakat etnik Sungai Buludupi ini dipercayai dapat memberi pemahaman kepada pembaca tentang kehidupan masyarakat etnik Sungai Buludupi. Perkara ini selaras dengan perspektif etika sosiobudaya, iaitu karya sastera menjadi wahana ekspresi sosiobudaya.

Pengkajian hubungan etnik dari perspektif etika seni, meneliti novel *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016). Hasil pemerhatian mendapati, novel ini mengemukakan identiti dan latar sosiobudaya masyarakat majmuk secara berfasa, iaitu fasa pascakolonial dengan masyarakatnya hidup harmoni berbilang kaum, kemudiannya bergolak disebabkan tragedi rusuhan kaum dan fasa kemakmuran selepas beberapa dekad tragedi rusuhan kaum berlaku. Masyarakat pada fasa pascakolonial digambarkan hidup secara harmoni. Etnik Melayu menerima kedatangan etnik pendatang dengan baik seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Sejarah nenek moyangnya yang berhijrah memulakan titik kehidupan di Tanah Semenanjung Emas. Dan, di tanah itulah dia dilahirkan untuk menikmati udara segar dan makmur. Tanah Nanyang, kata neneknya. Tanah

yang menjadi tumpuan etnik pendatang. Warga Kantonis, Hakka, Hailam dan Hokkien yang bermigrasi mencari sesuap rezeki di bumi makmur sejahtera (Nazri, 2016, p. 3).

Gambaran identiti dan latar sosiobudaya masyarakat awal imigran, iaitu etnik Cina yang datang ke Tanah Melayu dirakamkan dengan baik dalam novel *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016). Etnik Cina bermigrasi dari negara China ke Tanah Melayu untuk meneruskan kehidupan. Kehadiran kaum Cina menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan etnik Melayu tidak lagi menjadi etnik tunggal yang ada. Mei Ling merupakan generasi ketiga etnik Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu. Mei Ling dan Kamarul Hisham hidup pada zaman Tanah Melayu sedang berkonflik dengan peristiwa rusuhan kaum manakala Tsu Feh dan Mei Fang merupakan generasi keempat etnik Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu.

Tsu Feh, Mei Fang dan Ahmad Syakirin hidup pada zaman ketika negara tidak lagi dibelenggu oleh peristiwa rusuhan kaum. Walaupun Mei Ling dan Kamarul Hisyam hidup pada zaman negara sedang berkonflik dengan peristiwa rusuhan kaum, kedua-dua etnik ini masih bebas mengamalkan budaya etnik mereka sendiri. Penghijrahan Tsu Feh dan Mei Fang dari Guangzhou, China ke Kuala Lumpur juga tidak menghalang mereka daripada mengamalkan budaya hidup etnik Cina. Menariknya, Mei Ling dan Tsu Feh merupakan etnik Cina yang sangat mengagumi budaya etnik Melayu. Mei Ling

mempelajari bahasa Melayu dan budaya masyarakat Melayu daripada Kamarul Hisyam manakala Tsu Feh mempelajarinya daripada Ahmad Syakirin. Penerimaan sosiobudaya antara satu etnik dengan etnik yang lain juga membuatkan setiap watak ini gembira mempelajari kebudayaan etnik yang lain. Etnik Cina pendatang seperti bapa Mei Ling, Mei Ling dan Tsu Feh percaya untuk memahami budaya etnik Melayu mereka perlu mempelajari bahasa Melayu seperti petikan berikut:

Kamu pun kena belajar bahasa Melayu yang betul, Ah Yoong. Kita orang Malaysia perlu sama-sama bercakap dalam satu bahasa, barulah muhibah namanya.” “Saya setuju. Saya punya anak selalu belajar bahasa Melayu juga. Dia sangat suka belajar macam-macam hal. Kata orang Melayu ada pantun, sajak, bidalan dan macam-macamlah.” Papa tersenyum puas. Beberapa anak muda memuji-muji pendirian papa. Kata mereka papa memiliki hati yang terbuka (Nazri, 2016, p. 87).

Petikan ini menunjukkan kepentingan mempelajari bahasa Melayu untuk memahami sosiobudaya etnik Melayu. Mei Ling sendiri tidak pernah merasakan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam hidupnya. Dia telah menuturkan bahasa Melayu semenjak kecil. Apabila Mei Ling mula mengenali Kamarul Hisham, dia belajar tentang selok-belok bahasa Melayu terutama pepatah, simpulan bahasa dan bidalan. Kefasihan Mei Ling menyebut makna

yang tepat daripada ayat perumpamaan dan bahasa kiasan membuatkan ibu bapanya juga merasa bangga. Dia juga sering menambah kefahaman dan pengetahuan bahasa dengan membeli pelbagai jenis buku dan majalah dalam bahasa Melayu. Cintanya pada bahasa Melayu terlalu sukar untuk dipadam. Mei Ling belajar memahirkan diri membaca karangan dan buku cerita. Mei Ling berusaha belajar menganang pantun Melayu dengan seni dan ungkapan indah. Dia juga berupaya menyusun rangkap dan perkataan menggunakan tema alam yang dipetik sebelum diungkapkan dengan lancar dan fasih. Di sekolah, Mei Ling menunjukkan ungkapan-ungkapan indah daripada pantun yang dikarang kepada gurunya. Guru bahasa Melayu sentiasa memujinya sebagai murid yang paling berbakat menulis karangan bahasa Melayu. Hasil tulisannya dibaca dan kemudian ditampalkan pada ruangan di belakang kelas.

Bagi Mei Ling, mempelajari bahasa asing tidak sama sekali melupakannya kepada bahasa asal nenek moyang sendiri. Mencintai bahasa luar juga tidak sama sekali mengabaikan bahasa ibunda. Justeru, Mei Ling tetap berusaha memperkuuh lidahnya dengan bahasa Mandarin, bahasa warisan keluarga yang dibawa dari bumi Guangzhou. Selain itu, penguasaan bahasa Melayu dapat diperoleh melalui pendidikan formal di sekolah. Sistem pendidikan yang disusun dalam era Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah merapatkan jarak yang ada antara pelbagai kaum (Deng, 2015, p.382). Tanggapan dan persepsi negatif yang menganggap budaya dan tradisi etnik asal akan hilang sekiranya

anak-anak menuntut di sekolah Melayu telah diperbetulkan seperti yang terdapat dalam novel *Nyanyian Musim Rusuh* (2016) seperti petikan berikut:

Ah Yoong, mengapa kamu hantar anak perempuan kamu ke sekolah Melayu? Kita orang Cina mesti belajar di sekolah aliran Cina,” terang salah seorang daripada mereka. Wajah mereka serius. Papa cuba bertenang. “Kamu silap faham. Kita hidup di bumi Malaysia. Kena belajar semua bahasa termasuk bahasa Melayu (Nazri, 2016, p. 136).

Petikan ini menunjukkan sikap segelintir etnik Cina yang tidak bersetuju dengan tindakan papa Mei Ling menghantar Mei Ling belajar di sekolah Melayu. Mereka percaya tindakan tersebut menyalahi etika sosiobudaya dan menyeleweng daripada tradisi orang-orang Cina yang bagaikan wajib menghantar anak-anak ke sekolah aliran Cina. Bapa Mei Ling menegaskan bahawa etnik Cina yang mempelajari bahasa Melayu tidak akan sesekali hilang bahasa warisan nenek moyang mereka. Malah bahasa Melayu ialah bahasa perpaduan dan persefahaman yang menyatukan semua bangsa di negara ini.

Menurut Thock (2015, pp. 101–102) “Senario dilema pendidikan Cina telah berlaku sejak dekad 70-an. Dalam konteks Malaysia, sejarah perkembangan pendidikan negara menyaksikan pertembungan aliran kemajmukan budaya dan asimilasi budaya yang diwakili oleh *multilingualisme* dan *monolingualisme*. Menjelang kemerdekaan negara, para pemimpin Melayu

mendesak supaya dasar satu bahasa dan satu kebudayaan diterima oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Pendirian yang demikian mencerminkan satu perjuangan ke arah asimilasi kemelayuan.” Selain itu, amalan berbahasa Melayu tidak terhad kepada bahasa formal atau *literary*. Bagi tujuan komunikasi, dialek atau loghat juga merupakan peraturan berbahasa masyarakat setempat.

Penguasaan bahasa setempat seperti bahasa dialek adalah untuk memenuhi keperluan kehidupan dan merupakan bahasa rendah. Bahasa daerah, loghat atau dialek ialah jenis bahasa yang digunakan di sesuatu daerah atau bahagian negeri dengan pelat tersendiri, berbeza dengan sebutan umum di negara ini. Dalam novel *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016) pengarang turut memperlihatkan tentang penggunaan dialek atau loghat sebagai sosiobudaya masyarakat berkaitan bahasa bagi negeri-negeri tertentu:

Papa cukup suka mendengar setiap loghat dan dialek yang dituturkan mengikut wilayah dan negeri asal. Ada yang bercakap loghat Kedah, Kelantan dan juga Terengganu (Nazri, 2016, pp. 85–86).

Penggunaan loghat dan dialek menunjukkan citra kepelbagai masyarakat berdasarkan tempat dan wilayah loghat dan bahasa tersebut berasal. Seseorang yang mengetahui beberapa loghat yang lain daripada loghat dirinya nescaya mudahlah baginya muamalah, musahabah dengan sekalian bangsa itu, dan tiada memudah-mudahkan mereka itu dengan dia (Abdullah, 2012).

Berdasarkan penjelasan-penjelasan tersebut, cukup untuk mengesahkan novel *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016) sebagai wahana ekspresi sosiobudaya yang selaras dengan perspektif etika sosiobudaya. Novel ini mendukung solidariti kebangsaan dengan pengungkapan identiti dan latar sosiobudaya masyarakat yang mencerminkan identiti negara Malaysia yang berdaulat melalui penggunaan bahasa Melayu untuk berinteraksi sekali gus membabitkan rasa kenasionalan.

Penelitian seterusnya mengkaji identiti dan latar sosiobudaya masyarakat pada tahun 1940-an di Pulau Pinang yang terdapat dalam novel *Nanyang* (Ilszahanid, 2015). Novel ini mengangkat pengisahan kaum Cina yang datang ke Pulau Pinang dan kisah watak-watak remaja tersebut berdepan dengan situasi masyarakat Melayu pada zaman tersebut (Hanafiah et al., 2019, p. 101).

Kaum Cina yang datang ke Pulau Pinang tidak menganggap diri mereka sebagai pendatang. Mereka menganggap Pulau Pinang seperti Nanyang China. Nanyang merupakan istilah umum yang digunakan oleh orang China sebelum Perang Dunia Kedua untuk merujuk kepada Asia Tenggara (Wue & Ng, 2020). Semenanjung Malaysia dan Singapura dijadikan tempat berkumpulnya orang Cina selepas abad-19. Penghijrahan yang berlaku menyebabkan mereka beradaptasi dengan peradaban Melayu hingga melahirkan percampuran dan interaksi budaya. Mereka juga masih mengamalkan gaya hidup orang Cina

seperti di negara asal. Walau bagaimanapun, kebudayaan mereka juga telah dipengaruhi oleh sosiobudaya etnik Melayu dan mengikut adat resam masyarakat tempatan seperti kewujudan komuniti Baba Nyonya. Komuniti ini tidak mengamalkan bahasa Cina dan mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan etnik Cina yang lain, mereka juga percaya bahawa tinggal di Tanah Melayu perlu tahu berbahasa Melayu seperti petikan berikut:

Duduk di Tanah Melayu perlu tahu bahasa Melayu. Orang Melayu mudah mesra dan peramah. Kalau kamu tahu bahasa mereka, lebih mudah kamu berbual dengan mereka.” Kam angguk lagi. (Iszahanid, 2015, p. 15).

Dalam bahasa ada budaya, dalam budaya ada jiwa.” Tan berlalu (Iszahanid, 2015, p.15).

Petikan ini menunjukkan latar sosial masyarakat yang mengutamakan penguasaan bahasa tempatan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Dalam hal ini, kepentingan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi dan perhubungan menuntut penglibatan masyarakat sekeliling. Tuntasnya, bahasa Melayu juga menjadi bahasa pengantar, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi rakyat Malaysia. Sebelum Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu malah menjadi bahasa lingua franca dan digunakan secara meluas di Tanah Melayu dan Asia Tenggara. Keadaan tersebut berubah selepas kedatangan British. Keadaan berubah selari dengan perubahan semasa. Perkara 152

Fasal 1 dalam Perlembagaan Persekutuan, memperuntukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Namun begitu, penggunaan bahasa lain sama ada secara lisan ataupun tulisan tidak dilarang.

Perkara 152 Fasal 2 pula memperuntukkan tentang penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi selama sepuluh tahun selepas kemerdekaaan, kecuali jika diperuntukan sebaliknya oleh Parlimen bahawa bahasa Inggeris juga digunakan sebagai apa-apa sahaja yang bermaksud untuk tujuan rasmi kerajaan. Pindaan dalam Akta Perlembagaan 1971 telah memperuntukan bahawa status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh dipersoalkan. Sesiapa yang mempersoalkan perkara ini boleh didakwa melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan, 1984. Perkara 152 tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja (Noor et al., 2007).

Ringkasnya, novel *Nanyang* (Iszahanid, 2015) juga merupakan novel yang berupaya menjadi wahana ekspresi sosiobudaya berdasarkan gagasan dan ketegasan tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Ketegasan tersebut menyerlahkan kesedaran solidariti kebangsaan yang selaras dengan perspektif etika sosiobudaya. Pengungkapan identiti dan latar sosiobudaya masyarakat yang mencerminkan identiti negara Malaysia yang berdaulat melalui penggunaan bahasa Melayu menggambarkan keadaan dan situasi budaya yang melatari novel ini.

Hubungan antara Kaum dalam Novel-novel Remaja Terpilih

Pengkajian hubungan etnik dari perspektif etika seni menjelaskan watak dan perwatakan dalam novel dianggap sebagai makhluk sosial. Sebagai makhluk sosial, watak-watak dalam novel-novel remaja saling berinteraksi untuk membangunkan perhubungan antara satu sama lain, antara satu kelompok dengan kelompok yang lain dan antara seorang individu dengan individu yang lain. Hubungan dan interaksi antara manusia sering berlaku perubahan dan perkembangan. Oleh sebab itulah, hubungan sosial merupakan perkara penting dalam mengembangkan kehidupan bermasyarakat.

Ketidaaan proses interaksi sosial menyebabkan hubungan tersebut menjadi pincang. Kajian hubungan etnik dari perspektif etika sosiobudaya menjadikan novel-novel remaja terpilih sebagai produk budaya yang merepresentasikan nilai-nilai sosiobudaya masyarakat. Pengungkapan sosiobudaya dalam novel-novel remaja terpilih merupakan satu bentuk ekspresi sosiobudaya yang bersumberkan pengalaman manusia (Sugiarti & Andalas, 2018, p. 106). Berdasarkan kenyataan ini, analisis dilakukan dngan meneliti bentuk hubungan kaum dari aspek sosial yang melibatkan percintaan dan perkahwinan, persahabatan dan pendidikan.

Hubungan percintaan dan perkahwinan merupakan antara bentuk hubungan yang sering diketengahkan dalam novel-novel remaja terpilih. Novel *Nanyang* (Izsahanid, 2015) mengetengahkan hubungan persahabatan. Ini menunjukkan hubungan

melalui percintaan ataupun perkahwinan merupakan bentuk hubungan pilihan pengarang-pengarang novel remaja terpilih untuk menggambarkan hubungan antara etnik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam novel *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016) hubungan percintaan diwujudkan melalui hubungan Tsu Feh dengan Ahmad Syakirin. Tsu Feh sangat tertarik dengan kelebihan dan kepetahan Ahmad Syakirin bersyarah, mengupas pelbagai isu semasa dan tidak kekok berdiskusi di atas pentas. Paling menarik pada mata Tsu Feh ialah kemampuan Ahmad Syakirin menguasai tiga bahasa, iaitu Mandarin, Inggeris dan Melayu dengan sangat baik. Kelebihan ini menjadikan Ahmad Syakirin sangat istimewa di hati Tsu Feh. Tsu Feh mula bertemu secara dekat dengan Ahmad Syakirin sewaktu perbincangan yang diadakan oleh wakil pelajar bagi merancang mengadakan konsert warisan budaya. Keramahan Ahmad Syakirin menegur dan berjenaka menjentik perasaannya untuk mengenali lelaki itu dengan lebih dekat. Hubungan antara kedua-dua watak ini sangat baik. Kedua-dua watak remaja ini mengamalkan etika sosiobudaya yang baik. Mereka saling menghormati kebudayaan satu sama lain. Ayah Ahmad Syakirin juga sering menasihatkannya supaya menjaga silaturahim dan bertoleransi seperti petikan berikut:

Sejak kecil, ayah menekankan kami adik-beradik supaya menguasai apa sahaja budaya dan bahasa yang ada di Malaysia. Bagi ayah, belajar warisan bangsa lain tidak rugi kerana kita dapat mempererat

silaturahim dan toleransi (Nazri, 2016, pp. 108–109).

Hubungan Tsu Feh dengan Ahmad Syakirin juga diterima dan tidak dihalang oleh Mei Ling. Perasaan tersebut dizahirkan oleh Mei Ling melalui petikan berikut:

Malam itu, dia berasa seronok kerana dua perkara. Pertama, kepuasan menikmati acara hiburan yang penuh dengan informasi. Kedua, teruja saat diperkenalkan oleh Tsu Feh dengan Ahmad Syakirin (Nazri, 2016, pp. 132).

Petikan ini menunjukkan penerimaan Mei Ling terhadap kekasih anaknya, Ahmad Syakirin. Dari perspektif sosiobudaya, hubungan ialah berpandukan kehidupan masyarakat sama ada dalam lingkungan keluarga, masyarakat atau negara. Penerimaan Mei Ling terhadap kekasih anaknya menunjukkan penerimaan etnik Cina terhadap etnik Melayu dan penerimaan etnik Melayu terhadap etnik Cina. Hubungan sosiobudaya dalam novel-novel remaja yang lain ditampilkan berdasarkan hubungan perkahwinan berlainan etnik yang terbina antara bapa dan ibu Rania dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019).

Fenomena Sosiobudaya dalam Novel-novel Remaja Terpilih

Pengungkapan fenomena sosiobudaya dalam novel remaja terpilih diteliti melalui persoalan sosiobudaya dan permasalahan sosial yang melingkungi kehidupan manusia. Permasalahan sosial berlaku disebabkan

perubahan sosiobudaya masyarakat seperti yang dijelaskan dalam perspektif etika sosiobudaya. Kepesatan perkembangan teknologi menyebabkan tuntutan keperluan individu atau kelompok masyarakat mengalami perubahan. Masyarakat moden dicirikan dengan kecenderungan kehidupannya dikawal oleh teknologi dan globalisasi (Sugiarti & Andalas, 2018, p. 110).

Fenomena sosial juga berlaku berdasarkan tanggapan sosial yang wujud antara kaum. Menurut Amat (2000, p. 11), secara tradisinya, masyarakat Cina mempunyai sikap yang kurang menyenangi orang-orang asing. Mereka menganggap orang-orang asing sebagai ‘orang liar’ dan ‘dagang puaka’. Tanggapan ini mungkin dilontarkan terhadap penjajah yang menakluki negara mereka. Kebencian ini menular dan berakar umbi dalam jiwa mereka hingga mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Dalam novel *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016, p. 182), Tsu Feh melihat kuasa Barat membenci dan memandang rendah terhadap orang Melayu pada era penjajahan British. Masyarakat yang kurang pencapaianya dari segi ekonomi sering dianggap sebagai lemah, malas dan berfikiran kuno (Goodfellow, 2023). Mereka menuduh bangsa peribumi kononnya menolak kemajuan dan pembangunan. Tuduhan ini juga terdapat dalam novel *Nanyang* (Iszahanid, 2015, p. 116) seperti petikan berikut:

Orang Melayu itu kata British pemalas, tidak pentingkan pelajaran dan macam-macam yang hodoh...dan itulah yang

kita mahu percaya dan yang dia mahu kita percaya (Iszahanid, 2015, p. 116).

Petikan ini sama seperti pandangan yang dilontarkan oleh Metzger (2009, p. 41) dalam bukunya berjudul *Nilai-Nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Orang Melayu lebih malas daripada pendatang oleh sebab mereka tidak pernah mengenali keadaan yang susah seperti yang dialami oleh pendatang yang terpaksa meninggalkan negara mereka untuk mencari nafkah di negara lain pula. Di samping itu juga dikatakan bahawa biasanya orang Melayu begitu puas dengan keadaan mereka dan tidak bersusah payah membuat atau mencari sesuatu yang tidak diperlukan. Dalam bukunya ini juga, terdapat pandangan daripada tokoh-tokoh lain yang menafikan tentang sikap orang Melayu ini.

Sikap yang ditonjolkan oleh Noni yang berjuang untuk mengubah nasib bangsa Melayu melalui pendidikan dan tulisan pula mewakili gambaran bahawa orang Melayu juga berusaha untuk berjaya di tanah air sendiri. Walaupun pelbagai tohmahan yang dilemparkan. Menurut Yazid dan Aziz (2016), pernyataan tentang sikap malas orang Melayu pernah diulas oleh beberapa tokoh dan sarjana tempatan antaranya oleh S.Hussein sebagaimana yang dinyatakan oleh masyarakat Melayu kebanyakannya tinggal di pedalaman, dan tertakluk kepada cara hidup tradisional, ekonomi yang lemah sehingga negara mencapai kemerdekaan (Yazid & Aziz, 2016). Perubahan mendadak akibat penjajahan Barat meletakkan masyarakat Melayu dalam keadaan dilema,

mengekalkan amalan tradisional berdasarkan agama dan budaya tempatan ataupun menerima perubahan dan ketamadunan Barat yang dinamakan sebagai transformasi sosial.

Transformasi sosial melahirkan kerencaman sosial berpaksikan budaya modeniti dan kepelbagaian. Transformasi ini juga menyebabkan berlakunya perubahan budaya terutama dari segi gaya hidup dan fesyen. Nilai-nilai hidup baharu dan asing terus meresap masuk ke dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan mencetuskan pelbagai gejala dan permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat. Perkara ini juga terdapat dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019) seperti petikan berikut:

Rasa-rasanya tidak semua gadis sebaya usianya mempunyai kesempatan belajar dan mengetahui budaya dan cara hidup kaumnya. Lebih-lebih lagi dalam arus globalisasi yang terlalu terbuka memberikan kemajuan serta hiburan kepada golongan belia hingga lalai dan lupa ada asal usul keturunan, mengagung-agungkan budaya dan bangsa luar (Pengiran Ismail, 2019, p. 18).

Petikan ini menunjukkan ruang dan peluang remaja untuk mempelajari dan mempraktiskan budaya serta cara hidup kaum mereka. Dunia tanpa sempadan dan globalisasi menyempitkan lagi ruang ini. Kemajuan serta hiburan yang dibawa masuk dan meresap ke dalam budaya masyarakat menyebabkan minat golongan remaja

beralih arah. Hiburan-hiburan moden lebih dirasakan menyeronokkan berbanding hiburan tradisi. Selain itu, fenomena-fenomena sosial yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih juga berkaitan dengan kedudukan wanita dalam masyarakat.

Ha, kamu Noni, kuperas tentang layanan dan pandangan orang kita pada kaum wanita. Kamu kena perjuangkan tu. Tempat wanita bukan hanya di ceruk dapur. Perempuan bukan hanya tahu tumis kangkung atau masak lemak ayam sahaja. Perempuan pun perlu berganding bahu membangunkan negara dan mencapai kemerdekaan (Iszahanid, 2015, p. 114).

Petikan ini menunjukkan pandangan dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi terhadap kaum wanita. Wanita Melayu pramerdeka merupakan kelompok kelas kedua dalam masyarakat. Wanita dianggap lemah dari segi fizikal dan keupayaan diri (Yaacob, 2010). Masyarakat Melayu percaya bahawa wanita tidak akan sampai ke mana-mana meskipun diberi pendidikan formal kerana tugas mereka adalah sebagai pengurus rumah tangga, melahirkan dan membesarakan anak-anak. Pandangan serupa juga terdapat dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019) seperti petikan berikut:

Kau tu sudah layak bergelar isteri orang. Tengok Zainun.” Jangan samakan aku dengan Zainun, mak cik. Aku ada cita-cita mahu mencapai puncak menara gading. Hidup aku ini bukan untuk

menjadi isteri orang sahaja (Pengiran Ismail, 2019, p. 89).

Petikan ini dan contoh-contoh tersebut menunjukkan pandangan masyarakat terhadap kaum wanita pada zaman pasca merdeka. Kedudukan kaum wanita dipengaruhi oleh sosiobudaya masyarakat sekeliling seperti mana kedudukan wanita di kebanyakannya negara luar (Arisukwu et al., 2021; Hasnah, 1999; Mahat & Aithal, 2022). Walau bagaimanapun, pandangan dan kedudukan kaum wanita dalam masyarakat moden kini telah berubah seiring dengan perkembangan teknologi dan globalisasi. Dalam masyarakat moden hari ini, kaum wanita telah diterima sebagai kaum yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, fenomena-fenomena sosiobudaya yang menjelaskan perubahan sosiobudaya hubungan etnik ketara dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019), dan *Nanyang* (Iszahanid, 2015). Fenomena sosiobudaya yang menjelaskan perubahan sosiobudaya hubungan etnik tidak begitu menonjol dalam novel remaja terpilih yang lain. Tuntasnya, pengungkapan fenomena-fenomena sosial dalam novel remaja terpilih berupaya menjelaskan keadaan atau situasi sosiobudaya secara komprehensif dan selaras dengan perspektif etika sosiobudaya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian hubungan etnik dari perspektif etika sosiobudaya merumuskan identiti dan latar sosiobudaya,

hubungan antara kaum dengan fenomena sosial yang mencerminkan kehidupan masyarakat berbilang kaum. Hasil dapatan juga memperlihatkan novel-novel remaja terpilih mendukung sekurang-kurangnya satu daripada tiga perkara asas solidariti kebangsaan iaitu membabitkan rasa kenasionalan, menerbitkan solidariti kemanusian dan menjelaskan perkembangan dan perubahan kehidupan sosiobudaya masyarakat. Setiap novel remaja terpilih didapati memerihalkan identiti dan latar sosiobudaya yang berbeza. Pengalaman kehidupan masyarakat zaman pasca merdeka digambarkan dengan baik dalam novel *Ayah* (Pengiran Ismail, 2019), *Nyanyian Musim Rusuh* (Nazri, 2016), dan satu daripadanya mewakili masyarakat zaman pra kemerdekaan, iaitu novel *Nanyang* (Iszahanid, 2015). Pemerian tentang identiti dan latar sosiobudaya dalam novel-novel remaja terpilih ini berjaya menjelaskan keadaan dan situasi budaya yang menjadi teras sesuatu etnik. Perkara ini selaras dengan perspektif etika sosial, identiti dan latar sosiobudaya mempengaruhi etika, keperibadian, gaya hidup dan kebudayaan watak.

Nilai kemanusian yang hadir seperti yang terdapat dalam novel *Nanyang* (Iszahanid, 2015) menyuburkan kebersamaan hubungan etnik untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah. Perpaduan hubungan etnik semasa, sebelum dan selepas peristiwa Pulau Pinang ditawan Jepun melalui serangan udara pada 8 Disember 1941 yang terdapat dalam novel *Nanyang* (Iszahanid, 2015) menyerlahkan etika watak yang

berlainan latar budaya, agama dan asal usul. Kajian juga memperlihatkan, setiap watak dalam setiap novel yang dikaji memaparkan pemikiran dan pertimbangan sikap yang rasional. Watak-watak kajian juga memiliki emosi dan kehalusan perasaan yang tinggi dengan menunjukkan sentimen empati, simpati, prihatin, berbelas kasihan dan beretika. Hal ini sekali gus menyerlahkan potensi diri remaja yang positif seterusnya membuktikan novel-novel terpilih ini memiliki pengaruh yang besar untuk membentuk sahsiah dan jati diri remaja yang unggul.

Tuntasnya, etika dalam sastera dari perspektif sosiobudaya dapat menerangkan dengan jelas identiti dan latar sosiobudaya, etika sosiobudaya dan fenomena-fenomena sosial yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Fenomena sosial seperti peristiwa rusuhan kaum, peperangan, pergaduhan dan perselisihan faham disingkap sebagai sejarah-sejarah silam yang berupaya dijadikan sempadan dan tauladan yang berkesan dalam usaha untuk menstabilkan masyarakat mahupun untuk mencapai suasana rukun atau *social order* yang harmoni.

Secara keseluruhan, pengkajian hubungan etnik dalam novel-novel remaja terpilih dari perspektif etika sosiobudaya merumuskan pemerian tentang identiti dan latar sosiobudaya, hubungan antara kaum dengan fenomena sosiobudaya etnik-etnik tertentu. Pemerian ini memberi pencerahan tentang kepelbagaiannya sosiobudaya etnik-etnik di Malaysia. Dalam masa yang sama pemahaman dan pengetahuan

tentang bagaimana sesuatu etnik-etnik itu menjalani kehidupan dapat ditambah dan dipertingkatkan. Perkara ini signifikan dan relevan untuk merumuskan novel-novel remaja terpilih sebagai wahana ekspresi sosiobudaya yang mampu memberi kesedaran kepada pembaca tentang kepentingan hubungan etnik dan tanggungjawab mereka sebagai anggota masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah di bawah tajaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah geran FP087-2018A. Kajian ini juga adalah di bawah tajaan Geran Inovasi PhD (GIP), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, di bawah geran UMG007K-2022.

RUJUKAN

- Abdullah, M. N. L. Y., & Abdullah, A. C. (2018). Preschool teachers' training and attitudes towards multicultural education in Malaysia. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 7, 1-13. <https://doi.org/10.37134/saecj.vol7.1.2018>
- Abdullah, W. M. S. (2012). *Al-Allamah Syeikh Ahmad Al-Fatani ahli fikir dan dunia Melayu*. Khazanah Fathaniyyah.
- Alekperova, N., & Alekperov, A. (2023). Leadership traits as the basis for effective interaction between the leader and the team. *Journal of Leadership in Organizations*, 5(1), 36-64. <https://doi.org/10.22146/jlo.75402>
- Amat, A. (2000). *Hubungan kaum dalam Novel Melayu Pascamerdeka 1957-1969*. Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Amiri, C., & Govah, M. (2023). Hedayat's rebellious child: Multicultural rewriting of The Blind Owl in Porochista Khakpour's Sons and Other Flammable Objects. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 50(2), 436-449. <https://doi.org/10.1080/13530194.2021.1978279>
- Arisukwu, O., Igbolekwu, C., Adebisi, T., & Akindele, F. (2021). Perception of domestic violence among rural women in Kuje. *Heliyon*, 7(2), e06303. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e06303>
- Azhan, N. S. H., Rani, M. Z. A., & Muhammad, S. J. N. (2021). Kesusasteraan Melayu dan "Novel Persuratan": Satu pengamatan kritis tentang sambutan terhadap Pujangga Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 28(1), 73-97. <https://doi.org/10.21315/kajh2021.28.1.4>
- Baharum, H., Zakaria, N., Hamzah, N., & Mohamad, A. (2018). Pendidikan kepelbagaiannya budaya dalam sejambak bakti. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 210-232.
- Chew, F. P. (2020). Fostering integration through Malay literature teaching among the Malaysian secondary school students. *New Trends and Issues Proceedings on Humanities and Social Sciences*, 7(3), 83–93. <https://doi.org/10.18844/prosoc.v7i3.5237>
- Dawam, Z. A. M., Achin, I. A., Sareya, R., Bianus, A. B., & Hisham, M. F. (2022). Historiografi filem Melayu dalam konteks transformasi sosial dan sosiobudaya masyarakat Malaysia. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(1), 23-48. <https://doi.org/10.51200/ga.v12i1.3829>
- Deng, P. A. (2015). Perbezaan dan kepelbagaiannya; pemahaman dan penyatuan: Makna tersurat dan tersirat dalam karya penulis pelbagai kaum. In M.S. Rahamad & R. M. Noor (Eds.), *Sastera teras negara bangsa* (Edisi Kemas kini, pp. 39-54). Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

- Ferreira, T. A. (2022). Not to Forget Memory, Power and the Male, Archive in Amado's Narrative. *Comunicacao e Sociedade*, 41, 131–147. [https://doi.org/10.17231/comsoc.41\(2022\).3727](https://doi.org/10.17231/comsoc.41(2022).3727)
- Goodfellow, M. (2023). Interrogating the “economic migrant” in British political discourse: Race, class, the economy and the human. *Ethnic and Racial Studies*, 46(8), 1553-1575. <https://doi.org/10.1080/01419870.2023.2181669>
- Gunawan, H., & Jaya, E. S. (2023). Multicultural education in the perspective of national and islamic education. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(01), 331-342. <https://doi.org/10.30868/ei.v12i01.1220>
- Guseva, O. (2023). A positivist model of the historical novel for youth in polish literature. *Stephanos Peer Reviewed Multilanguage Scientific Journal*, 57(1), 37-44. <https://doi.org/10.24249/2309-9917-2023-57-1-37-44>
- Hanafiah, H. A. M., Affandi, N. R. N. M., & Sujud, A. (2019). *Bagaimana kami menulis karya remaja*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hapitta, O. D., & Titaley, A. G. (2022). The identity of the main character in youth novel “Yildiz heißt Stern” by Isolde Heyne. *Nusantara Science and Technology Proceedings*, 2022(1), 166–167. <https://doi.org/10.11594/nstp.2022.1922>
- Hasnah, H. (1999). *Peranan guru-guru Melayu dalam memajukan masyarakat Melayu, 1900-1941* [Master's thesis, Universiti Malaya].
- Hassan, B. R. A., & Idris, N. H. (2020). Analisis dekonstruktif terhadap satira sosiobudaya dan politik dalam filem lelaki harapan dunia (2014). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 123-138. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2020-3603-08>
- Haswani, F., Baharuddin, B., & Simbolon, N. (2023). Multicultural education in English language teaching: A study of paradigms, perceptions, and implementation strategies. *World Journal of English Language*, 13(2), 424-434. <https://doi.org/10.5430/wjel.v13n2p424>
- Iszahanid, H. (2015). *Nanyang*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jacobs, A. M., Herrmann, B., Lauer, G., Lüdtke, J., & Schroeder, S. (2020). Sentiment analysis of children and youth literature: Is there a pollyanna effect? *Frontiers in Psychology*, 11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.574746>
- Jayadi, K., Abduh, A., & Basri, M. (2022). A meta-analysis of multicultural education paradigm in Indonesia. *Heliyon*, 8(1), e08828. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e08828>
- Jorgensen, N. A., Muscatell, K. A., McCormick, E. M., Prinstein, M. J., Lindquist, K. A., & Telzer, E. H. (2023). Neighborhood disadvantage, race/ethnicity and neural sensitivity to social threat and reward among adolescents. *Social Cognitive and Affective Neuroscience*, 18(1), nsac053. <https://doi.org/10.1093/scan/nsac053>
- Kandel, B. B. S. (2022). Deconstruction of cultural hegemony in Nepali society: A study of Sumnima. *The Outlook: Journal of English Studies*, 13, 13-20. <https://doi.org/10.3126/ojes.v13i1.46690>
- Khandal, B. B. S. (2019). Ethnic harmony in BP Koirala's Sumnima. *Prithvi Academic Journal*, 2, 106-116. <https://doi.org/10.3126/paj.v2i0.31511>
- Khoo, S. S., Hashim, R. S., & Raihanah M. M. (2022). Cultural diversity: Exploring eco-cultural memories in Hilary Tham's Tin Mines and Concubines. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 29(1), 213-232. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.10>
- Kumpulainen, K., Sairanen, H., & Nordström, A. (2020). Young children's digital literacy practices in the sociocultural contexts of their homes. *Journal of Early Childhood Literacy*, 20(3), 472–499. <https://doi.org/10.1177/1468798420925116>

- Kurniati, R., & Shifa, B. (2023). Sustainability of community sociocultural activities as a tourist destination during the Covid-19 pandemic: A case study in Kampung Jawi, Semarang City, Indonesia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 31(2), 719-745. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.2.13>
- Lei, S. (2019). Religious ethics of divinity in Doctor Zhivago. *Interdisciplinary Studies of Literature*, 3(1), 72-85.
- Mahat, D., & Aithal, P. S. (2022). Socio-culture and women career development: References to government agencies of Nepal. *International Journal of Management, Technology, and Social Sciences*, 7(2), 241-249. <https://doi.org/10.47992/ijmts.2581.6012.0218>
- Metzger, L. (2009). *Nilai-nilai Melayu, satu sudut pandangan orang luar*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Rohana, N. A., P. Rameli, M. F., Nordin, R., & Hashim, S. N. I. (2017). Kepelbagaiannya dan kesepadan etnik di Malaysia menurut Islam. *Sains Insani*, 2(14), 88-97. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.41>
- Mori, Y., Yamane, H., Shimizu, R., Mukuta, Y., & Harada, T. (2023). COMPASS: A creative support system that alerts novelists to the unnoticed missing contents. *Computer Speech and Language*, 80, 101484. <https://doi.org/10.1016/j.csl.2023.101484>
- Nasta, S. (2019, October 2). ‘An Island is a World’: One to one with Romesh Gunesekera. *Wasafiri*, 34(4), 75-80. <https://doi.org/10.1080/02690055.2019.1635765>
- Nazri, H. (2016). *Nyanyian musim rusuh*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noor, M. M., Aziz, A. R. A., & Lee, M. A. I. (2007). *Hubungan etnik di Malaysia*. Pearson Prentice Hall.
- Latifah, N., Supriadi, O., & Suntoko. (2023). Nilai etika lingkungan dalam kumpulan cerpen yang lebih bijak daripada peri karya rizqi turama (Pendekatan Ekologi Sastra). *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, Dan Sastra*, 9(1), 38-48. <https://doi.org/10.30605/onoma.v9i1.2130>
- Omar, N., Noh, M. A. C., Hamzah, M. I., & Majid, L. A. (2015). Multicultural education practice in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 174, 1941-1948. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.859>
- Pengiran Ismail, D. K. M. (2019). *Ayah*. Tintarona Publications Sdn. Bhd.
- Pourgharib, B., & Asl, M. P. (2022). Cultural translation, hybrid identity, and third space in Jhumpa Lahiri’s Interpreter of Maladies. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 30(4), 1657-1671. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.4.10>
- Puspitarini, D., Degeng, N. S., Praherdhiono, H., & Suryati, N. (2023) Humanistic pesantren: Systematic literature review and bibliometric visualization analysis on character, moral and ethical values. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 31(2), 465-490. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.2.01>
- Ramasamy, M. D., Sivakumar, S., & Maniam, K. (2018). Malaysian Tamil children literature: Its journey and accomplishments. In *Forum for World Literature Studies* (Vol. 10, No. 4, pp. 664-683). Shanghai Normal University.
- Ramos Cambero, M. D. M., & Saneleuterio, E. (2021). Analysis of four youth novels for coeducation, 25(1), 1-21. <https://doi.org/10.30827/profesorado.v25i1.14068>
- Sakura, H., Argia, P., Fasha, L. H., Nurfurqon, F. F., Siliwangi, I., & Indonesia, C. (2023). Multicultural education in social science learning to improve cultural literature of elementary school *STUDENTS Journal of Educational Experts*, 6(1), 13-19. <https://doi.org/10.30740/jee.v6i1.180>

- Saludin, M. R. (2015). Kepelbagai dan keunikan adat Negeri Sembilan memperkuat bangsa: Diversity and uniqueness of Negeri Sembilan custom in race strengthening. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid, 10*, 1-15.
- Sarkar, S., & Karmakar, G. (2021). Identity, politics and ecology in postcolonial war-torn society: An interview with Romesh Gunsekera. *South Asian Review, 43*(3), 301-309. <https://doi.org/10.1080/02759527.2020.1824543>
- Sugiarti., & Andalas, E. F. (2018). *Perspektif etik dalam penelitian sastra (Teori dan penerapannya)*. Penerbitan Universitas Muhammadiyah Malang.
- Thock, K. P. (2015). *Ketuanan politik Melayu pandangan kaum Cina*. Penerbit Universiti Malaya.
- Thomas, S. W. (2020). The context of multi-ethnic politics for Ethiopian American literature. *Multi-Ethnic Literature of the United States (MELUS), 45*(1), 117-138. [https://doi.org/10.1093/mlus/mlz065](https://doi.org/10.1093/melus/mlz065)
- Tsai, P. H., Chiu, T. W., Chang, Y. L., Chang, J. H., & Chen, H. C. (2022). Exploration of the relationships between new immigrants' children and different creativities: The mediating role of cultural distance. *Bulletin of Educational Psychology, 54*(1), 235-252. [https://doi.org/10.6251/BEP.202209_54\(1\).0010](https://doi.org/10.6251/BEP.202209_54(1).0010)
- Wue, H. S., & Ng, C. F. (2020). Malay narratives in Nanyang Travel. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 28*(4), 33319-3334. <https://doi.org/10.47836/pjssh.28.4.45>
- Yaacob, S. M. @ Membunga. (2010). *Wanita dalam karya Hamzah Hussin dari perspektif kritikan feminis*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Yazid, A. A., & Aziz, A. B. (2016). Kepelbagai etnik di Malaysia: Nilai dalam agama dan budaya sebagai pemangkin pengurusan. In A. A., Yazid. (Ed.), *Kepelbagai agama dan etnik dalam pembentukan negara bangsa* (pp. 127-147). Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Yee Wan, E. W., & Tjin Ai, J. T. (2023). Early second language learning and arts integration in Malaysian multicultural context: A sociocultural perspective. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(5), e002297. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2297>
- Zhenzhao, N., & Biwu, S. (2015). Ethical literary criticism: East and west. *Arcadia, 50*(1), 4-8. <https://doi.org/10.1515/arcadia-2015-0002>